

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK	OCBC Al-Amin Bank Berhad
<p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membuka Akaun Semasa Matawang Asing-i. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.</p>	<p>Akaun Semasa Matawang Asing-i</p>
	<p>19 Ogos 2019</p>

Apakah produk ini?

Akaun Semasa Matawang Asing-i (FCCA-i) ialah akaun deposit yang disediakan dalam USD, SGD, GBP, AUD, NZD, EUR atau JPY selain daripada Ringgit Malaysia (MYR). Deposit ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Apakah konsep Syariah yang diguna pakai??

Produk ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard yang ditakrifkan sebagai pinjaman oleh pemberi pinjaman di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman dan konsep Bai' al-Sarf yang ditakrifkan sebagai pembelian dan penjualan mata wang. Ciri-ciri penting FCCA-i yang mengguna pakai konsep Qard dan Bai' al-Sarf adalah seperti berikut:

- Qard bermakna pinjaman oleh pemberi pinjaman di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman. Apabila konsep ini digunapakai ke atas akaun anda, anda sebagai Pelanggan, dengan meletakkan dana ke dalam akaun menjadi pemberi pinjaman yang meminjamkan dana yang diletakkan kepada Bank, sebagai peminjam, yang kemudiannya terikat untuk membayar balik kepada Pelanggan amaun yang sama yang diletakkan oleh anda. Penerimaan dan penerusan akaun adalah mengikut budi bicara Bank secara mutlak dan tertakluk kepada syarat bahawa pemberi pinjaman mematuhi Peraturan-Peraturan di bawah konsep Qard. Di dalam situasi ini Bank bertanggungjawab untuk membayar balik wang yang diletakkan oleh Pelanggan, tertakluk kepada prosedur Bank.
- Pelanggan membuat simpanan dengan Bank dalam MYR (yang berkenaan) di bawah akaun semasa. Bank akan menukarkan deposit MYR (yang berkenaan) ke dalam matawang asing pilihan pelanggan (Bai' al-Sarf). Jumlah denominasi dalam matawang asing akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan;
- Bank (menerusi Perbendaharaan Islam OCBC) melaburkan dana mata wang asing menerusi instrumen patuh Syariah dengan rakan niaga Islam di bawah kontrak Komoditi Murabahah, atau kontrak Syariah yang lain yang dianggap sesuai. Dengan pulangan (jika ada) daripada instrumen pelaburan, pembayaran hadiyah adalah atas budi-bicara Bank;
- Apabila pelanggan mengeluarkan wang, Bank akan menukarkan deposit ke dalam MYR (apabila berkenaan) pada kadar pertukaran semasa dan sama ada dengan mengkreditkan ke dalam akaun sendiri atau membenarkan pengeluaran menerusi kaunter.

Apakah manfaat yang saya terima daripada produk ini?

Deposit permulaan FCCA-i adalah seperti berikut.

Matawang Asing	Deposit permulaan	Matawang Asing	Deposit permulaan
USD	2,000	NZD	2,000
SGD	2,000	EUR	2,000
GBP	1,000	JPY	200,000
AUD	2,000		

Pembayaran hadiyah (jika ada) adalah atas budi bicara Bank.

Sebagai rujukan, kadar hadiyah sebelum ini boleh didapati daripada www.ocbc.com.my atau cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang terdekat.

Apakah terma dan syarat lain produk ini yang patut saya ketahui?

Akaun semasa mata wang asing-i yang tidak aktif selama satu (1) tahun atau lebih dari tarikh urus niaga terakhir akan dianggap sebagai Akaun Tidak Aktif.

Untuk mengaktifkan semula Akaun Tidak Aktif, pelanggan perlu menyempurnakan urus niaga deposit atau pengeluaran menerusi kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad.

Mana-mana akaun dengan baki kredit yang tidak aktif selama 7 tahun atau lebih akan dianggap tidak aktif dan dana akan dipindahkan kepada wang tak dituntut menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Sila rujuk kepada terma & syarat terkini yang boleh didapati daripada www.ocbc.com.my

Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Sila rujuk senarai yuran & caj daripada www.ocbc.com.my.

Apakah risiko yang wujud?

Tidak melibatkan sebarang risiko.

Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut tentang produk dan perkhidmatan terkini kami, anda boleh:-

- Lawati laman web kami di www.ocbc.com.my
- Kunjungi cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) yang terdekat
- Hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan di 1-300-88-0255.

Jika anda mempunyai sebarang maklum balas tentang produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di: Pengurusan Kualiti & Perkhidmatan

d/a OCBC Bank (Malaysia) Berhad
Peti Surat 10197 50911 Kuala Lumpur

Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465; Faks: 03-21741515; E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah mulai 19 Ogos 2019